

27/06/1999

Di antara 'tok guru' dengan anak raja

KIAU banyak kali dengar orang kata, dalam politik tidak ada musuh yang kekal. Musuh boleh jadi kawan sama cepatnya dengan kawan jadi musuh. Maksudnya, dalam politik persahabatan dan permusuhan tidak kekal. Yang kekal ialah kepentingan seseorang itu berada dalam politik.

Maka kerana kepentingan politik itulah, orang berkawan atau bermusuhan. Kiau rasa ini tak salah sebab orang berpolitik bukannya untuk kepentingan diri, tetapi untuk kepentingan yang di luar, iaitu masyarakat.

Jadi kerana kepentingan yang lebih luas itu, ahli politik tidaklah boleh emosional sangat mengenai siapa sangat yang mereka suka dan mereka tidak suka. Macam kita kerap dengar sejak beberapa tahun ini bukan si polan tidak cukup sayangkan si anu, tetapi si polan lebih sayangkan parti atau negara. Seperti kata Brutus selepas dia berpakat membunuh Caesar, dengan pisau yang bermandi darah dia berkata: "Bukan aku tidak cukup sayangkan Caesar, tetapi aku lebih sayangkan Rom."

Maka agaknya dalam kaitan inilah kita melihat pelepasan jawatan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah untuk menggantikannya.

Kita semua tahu dan kita semua ingat lagi tidak lama dulu Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh adalah musuh ketat. Pada tahun 1987, Tengku Razaleigh lawan Dr Mahathir untuk jawatan Presiden Umno.

Dia lawan Dr Mahathir fasal dia tahu Dr Mahathir tidak sokong dia, tapi sokong Tan Sri Musa Hitam, Tun Daim dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dia pun kurang setuju dengan dasar-dasar Dr Mahathir.

Musa pula yang disokong kuat oleh Dr Mahathir turut tidak puas hati fasal Dr Mahathir, pada pendapatnya mula memberi perhatian berlebihan kepada Daim dan Anwar. Macam Tengku Razaleigh, dia pun kurang setuju dengan beberapa dasar Dr Mahathir seperti projek kereta nasional.

Jadi pada tahun itu, Musa dan Tengku Razaleigh berpakat melawan Dr Mahathir dan Tun Ghafar Baba. Mereka berpakat bukan kerana mereka suka satu sama lain, tetapi mereka berpakat kerana kepentingan mereka serupa, iaitu menjatuhkan Dr Mahathir.

Kita semua tahu perlawanan Tengku Razaleigh-Mahathir itu sangat hebat. Tak cukup di gelanggang politik, Tengku Razaleigh dan penyokong-penyokongnya bawa ke mahkamah sehingga haram Umno.

Tak cukup lagi dengan itu, Tengku Razaleigh tubuh Parti Melayu Semangat 46 untuk lawan Umno. Tak cukup lagi, ia berpakat pula dengan parti-parti pembangkang.

Bagaimanapun, sejak beberapa tahun lalu, Tengku Razaleigh sedar perjuangannya di luar Umno tidak berkesan, maka dia dengan rela membubarkan partinya dan menyertai Umno. Ini bukanlah satu tindakan mudah kerana orang yang kenal Tengku Razaleigh tahu dia cukup mengutamakan harga diri. Tetapi jelas di antara kepentingan diri yang sempit dengan kepentingan bangsa Melayu, beliau memilih kepentingan bangsa Melayu.

Begitu juga halnya dengan Dr Mahathir. Walaupun dia begitu marah dengan tindakan membawa Umno ke mahkamah, dia tetap menghormati Tengku Razaleigh sebagai ahli politik, sama ada sebagai kawan atau lawan.

Orang pernah beritahu Kiau, Dr Mahathir menganggap Tengku Razaleigh sebagai 'the worthy enemy' atau musuh yang perlu dihormati. Begitu juga halnya Tengku Razaleigh terhadap 'Doc' Mahathir.

Sekarang, bukan kepentingan Dr Mahathir atau Tengku Razaleigh yang lebih utama. Yang lebih utama ialah kepentingan Umno sebagai parti orang Melayu.

Kepulangan anak raja Kelantan ini menerajui Umno Kelantan mengingatkan Kiau pada tahun 1977 apabila Tengku Razaleigh mengetuai gerakan menjatuhkan kerajaan Pas yang bertapak sejak 1959.

Kiau ingat lagi sebagai pemberita muda tinggal di Hotel Kasina kerana itulah satu-satunya hotel terbesar di Kota Bharu dan sekali sekala dijemput Tengku Razaleigh sarapan pagi di Palm Manor.

Kiau rasa `magic' Tengku Razaleigh di Kelantan masih ada; kalau tidak banyak, sedikit. Dalam keadaan Umno di Kelantan sekarang, sedikit atau banyak kesaktian tidak penting. Yang penting ialah semangat ahli dan penyokong Umno di negeri itu harus dinaikkan.

Untuk sekian lama mereka terumbang-ambing dan menjadi takut terhadap musuh sendiri sehingga tidak dapat bergerak. Mereka takut kepada Datuk Nik Aziz Nik Mat sehingga tidak langsung berani menyerang beliau walaupun sebagai pemimpin politik, Nik Aziz ada kelemahannya.

Pada hemat Kiau, sekarang bertemulah buku dengan ruas di antara Nik Aziz dengan Tengku Razaleigh... di antara `tok guru' dengan anak raja.

Dengan itu Kiau rasa arena pertandingan lebih rata dan pemain lebih bersemangat. Harapan Umno Kelantan kembali dipikul oleh anak rajanya sendiri. Dia juga memikul harapan orang Melayu keseluruhannya untuk melihat negeri Kelantan keluar daripada cengkaman kemunduran.

(END)